

# RAHSIA LOKASI LUPUS SAMPAH


Oleh Al-Abror  
Mohd Yusuf

abrор@hmetro.com.my

SHAH ALAM: Kerajaan Selangor kini mengambil pendekatan merahsiakan lokasi tapak pelupusan sampah baru bagi menggantikan tapak sedia ada sebagai langkah mengelakkan bantahan orang ramai yang boleh membantutkan perancangan dan memburukkan masalah pencemaran air.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, berkata langkah 'buat dulu dan tunggu reaksi' itu dilakukan selepas kerajaan negeri menghadapi banyak kekangan akibat bantahan orang ramai sebelum ini.

"Ada tiga atau empat lokasi dikenal pasti untuk dijadikan tapak pelupusan sampah baru tetapi ia tidak boleh didedahkan ke-



**DR MOHAMAD KHIR...  
4 lokasi dikenal pasti**

rana kerajaan negeri bimbang berlaku bantahan.

"Selama ini beberapa cadangan membina pusat pelupusan sampah di Selangor terpaksa dibatalkan apabila ada bantahan orang ramai dan kelewatan membina pusat sedemikian menjadi punca kerajaan negeri berdepan

## Elak orang ramai bantah

krisis pelupusan sampah," katanya pada sidang media bersama Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid selepas mereka mengadakan perbincangan mengenai isu berkaitan alam sekitar di sini, semalam.

Dr Mohamad Khir berkata, walaupun ia tidak didedahkan kepada awam, cadangan berkenaan tetap dikemukakan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengurusan Sisa Pepejal pada 28 April ini untuk kelulusan.

Proses pembinaan tapak pelupusan sampah baru itu, katanya, dijangka mengambil masa antara

dua hingga tiga bulan dan dikendalikan anak syarikat kerajaan negeri, Worldwide Holding Berhad.

"Masalah tapak pelupusan sampah di Selangor kini berada di tahap kritikal kerana pusat pelupusan sampah Ayer Hitam hanya mampu menerima bahan buangan untuk tempoh dua atau tiga bulan saja lagi.

"Kerajaan negeri tetap menutup tapak di Ayer Hitam tetapi langkah itu ditangguhkan sementara sehingga pusat pelupusan baru siap dibina.

"Pusat pelupusan sampah terbuka di Kundang Rawang dan Sungai Kempong, Semenyih perlu ditutup segera bagi mengelakkan pencemaran sungai," katanya.